

Isu penggiat sektor gig dibangkitkan pada forum G20 di India

SHAH ALAM

Aspek perlindungan sosial di antara penggiat sektor gig dan platform dalam talian di seluruh dunia mempunyai jurang yang besar dan memerlukan langkah penyelesaian menyeluruh menerusi aspek perundangan dan dasar bersesuaian.



DR MOHAMMED AZMAN

Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, langkah intervensi itu perlu dilakukan kerana kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mendedahkan hanya 15 peratus daripada keseluruhan penggiat sektor gig di seluruh dunia bekerja menerusi platform dalam talian dilindungi insurans bencana kerja.

Menurutnya, kadar penyediaan liputan jenis insurans sedemikian bagi pekerja di lapangan yang sama dengan pelanggan adalah dua kali ganda, iaitu kira-kira 33 peratus.

"Ketidakseseimbangan aspek perlindungan sosial ini masih berlarutan kerana tumpuan diberikan terhadap pekerja lapangan berbanding penggiat

sektor gig seperti yang bekerja menerusi platform dalam talian.

"Pengabaian terhadap penggiat sektor gig ini perlu ditangani menerusi tindakan merangka perundangan dan dasar bersesuaian. Bagi memastikan segenap kelompok pekerja mendapat perlindungan sosial yang berkesan.

"Perlindungan sosial bagi penggiat sektor gig juga adalah antara isu penting yang diutamakan di Malaysia," katanya.

Mohammed Azman berkata sedemikian ketika diundang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan G20 di Indore, India, menerusi kapasitinya sebagai Presiden ISSA pada Sabtu.

Beliau yang dilantik menyandang jawatan Presiden ISSA ke-17, bagi tempoh tiga tahun hingga 2025 menjadi antara panel pembentangan di pentas forum antarabangsa tersebut bagi mewakili lebih 320 anggota institusi berkenaan dari 163 negara.

Beliau berkata, penganjuran forum G20 di bandar barat tengah India itu turut meraih sokongan menerusi Deklarasi



Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan G20 berlangsung di Indore, India pada Sabtu.

Menteri yang menggariskan keperluan untuk merintis kerjasma dan tumpuan selanjutnya ke arah penyelesaian isu sektor gig.

"Deklarasi ini secara khusus menggesa ILO, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan ISSA untuk menyumbangkan buah fikiran kepada rangkaian inisiatif G20 yang menyentuh mengenai permasalahan ini pada masa depan.

"Kita berdiri teguh menyuarakan sokongan kepada setiap negara dalam perjuangan bersama ini, demi mencapai matlamat ke arah dunia pekerjaan yang bermaruah dan terangkum," katanya.



Dr. Mohammed Azman (kanan) diundang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan G20 di Indore, India menerusi kapasitinya sebagai Presiden ISSA pada Sabtu.

TARIKH: 22/7/23
SURAT KHABAR: Sinar
MUKA SURAT: 10

SINAR, 23 JULAI 2023, MGS 10